

INFOKERJAYA

Rujukan Kerjaya Online No. 1 Malaysia

15 SEBAB GAGAL
TEMUDUGA



BONUS
HARGAI PANEL
TEMUDUGA

15 SEBAB GAGAL TEMUDUGA



1. IMEJ KURANG PROFESSIONAL

Ini perkara penting sekali. Tidak kira siapa anda, latarbelakang anda, taraf ekonomi anda, anda harus mempamerkan imej diri yang professional semasa hadir ke sesi temuduga.

Imej professional bukan bermakna anda harus memiliki pakaian yang mahal dan dijual di butik-butik termahal di pasaran. Ia sekadar sejuk mata memandang bagi panel temuduga dan tidak terlalu gah laksana pertunjukkan model.

Ingat, ini temuduga kerja bukan pertunjukkan fesyen. Terutamanya bagi calon perempuan. Kelihatan cantik amat perlu, cuma anda perlu berhati-hati supaya tidak merimaskan pandangan mata panel temuduga.

Anda mungkin berhadapan dengan pelbagai kerenah panel temuduga. Untuk titik selamat, cukup sekadar bersederhana dan kelihatan professional.

2. TERLEBIH RAMAH DAN SANTAI

Anda berhadapan dengan saat gentar sebelum hadir ke temuduga dan sewaktu di tempat temuduga. Relak...itu sifat normal bagi seorang manusia yang normal. Fokus kepada perkara yang menghilangkan perasaan gentar anda.

Terdapat calon yang cuba hilangkan gentar mereka dengan menjadi terlalu peramah sehingga ia menimbulkan kurang selesa kepada pihak lain. Sesi temuduga adalah



satu sesi yang formal. Anda boleh bersantai apabila panel temuduga menukar sesi kepada santai.

Jika tidak, kekalkan tahap normal anda. Terlebih ramah bertanya semasa sesi temuduga boleh menimbulkan perspektif yang kurang baik kepada tahap komunikasi anda. Bercakap apabila disoal dan bertanya soalan. Ikut rentak mereka. Hilangkan rasa gentar sebelum temuduga dengan membaca, mendengar muzik, berdoa, berzikir dan lakukan senaman ringkas.

Relak..anda bukan dihukum. Anda hanya disoal.

3. LAGAK GAYA BERLEBIHAN

Walau apa pun pencapaian anda dalam pelajaran atau bidang pekerjaan sebelum ini, usah meninggikan diri dalam percakapan anda. Ia berbeza dengan menyatakan kelebihan diri anda.

Panel temuduga, mereka dilatih untuk memahami bahasa badan dan gaya bahasa calon. Mereka dapat lihat sama ada anda meninggikan diri atau tidak melalui

cara jalan anda, gaya percakapan. Bersederhana dalam percakapan anda. Atau dalam erti kata lain, elakkan daripada cakap besar.

Mereka mempunyai pelbagai teknik mengeluarkan maklumat diri anda melalui soalan yang mereka ajukan.

Mereka professional, anda juga harus professional. Berlebih-lebihan tidak membantu anda.



4. LAMBAT DAN TIADA PERSEDIAAN

.....

Oh tidak...usah sesekali lambat di hari yang bermakna untuk kerjaya anda. Ini mencerminkan sikap anda dan pengurusan masa anda yang lemah.

Buat persediaan seawal yang mungkin bagi mencari lokasi temuduga dan kawasan tempat letak kenderaan jika anda hadir menggunakan kenderaan sendiri.



Lambat hanya untuk mereka yang benar-benar mengalami masalah yang tidak diduga dalam perjalanan awal ke tempat temuduga. Memberi alasan kesesakan lalu lintas adalah satu kesilapan yang besar. Usah mengeruhkan lagi keadaan dengan pelbagai alasan kerana kurangnya persediaan anda.

Penyelesaian terbaik, bersedia lebih awal. Hadir ke kawasan temuduga lebih awal. Memberi alasan tidak membantu anda berjaya dalam temuduga.

5. MAKLUMAT PALSU DALAM RESUME

.....



Resume anda tanggungjawab anda. Pastikan maklumat dalam resume anda adalah tepat dan benar tentang diri anda. Jika tidak, ia seolah-olah meletakkan label palsu pada sesuatu produk.

Ada kemungkinan tinggi panel temuduga menyemak resume anda pada waktu temuduga berlangsung dan mereka dapat bertanya terus kepada anda tentang maklumat yang anda tulis dalam resume anda.

Penulisan resume yang palsu dan hebat dengan niat memancing ke temuduga satu persepsi yang kurang tepat kerana anda mungkin berjaya semasa pemilihan resume tetapi tidak pada temuduga sebenar. Jadi...awas!

6. LUPA SEDIAKAN MAKLUMAT PENTING

.....

Pastikan anda tahu maklumat penting yang harus dibawa ke sesi temuduga nanti. Lupa adalah satu alasan. Dapatkan maklumat apa yang harus dibawa sebelum hadir ke temuduga dan bawa pada hari temuduga dalam keadaan kemas dan tersusun.



7. TERLALU PEMALU DAN KURANG BERINTERAKSI

.....

Jika anda seorang yang pemalu tidak mengapa, tetapi elakkan daripada terlalu pemalu hinggalah anda menjadi terlalu kekok semasa sesi temuduga. Pekerjaan memerlukan kemahiran komunikasi. Rasa malu harus bertempat.

Malu yang terlampau malu akan mengurangkan sesi berinteraksi bersama panel temuduga. Walhal mereka memanggil anda ke temuduga untuk berkomunikasi dengan anda dan melihat bagaimana anda berkomunikasi untuk tujuan pekerjaan kelak.

Pastikan anda berbual dengan panel temuduga dan selesaikan diri anda. Mereka berniat membantu anda dalam pekerjaan. Anda harus bersikap terbuka.



8. TIDAK MENJAGA BAHASA BADAN

.....

Bahasa badan adalah satu lagi bentuk komunikasi. Jaga postur semasa anda duduk di atas kerusi. Jangan terlalu menyandar hinggan anda nampak seperti mahu menonton televisyen.

Tunjukkan minat anda dengan maklumat yang disampaikan oleh panel temuduga. Ia adalah maklumat penting untuk anda. Jika anda bosan, elakkan daripada menampakkan diri anda bosan kerana itu mencerminkan sikap anda.

Mereka tidak memberitahu anda jika maklumat itu tidak penting. Jadi, fokus dan jaga gaya bahasa badan anda.

6. BERTANYA "GAJI SAYA BERAPA?"

.....

Bertanya tidak salah. Namun bertanya soal gaji sebelum panel temuduga menyentuh soal gaji merupakan satu kesilapan besar. Gaji berbeza-beza mengikut syarikat dan sektor.

Bagi sektor kerajaan, ada tangga gaji yang perlu diikuti. Bagi sektor swasta, gaji adalah pelbagai dan mengikut aktiviti bisnis yang mereka jalankan. Jika ini adalah panggilan pertama anda untuk temuduga selepas tamat belajar, soal gaji menjadi isu sensitif kepada pihak anda dan pihak syarikat.

Satu, anda tiada pengalaman bekerja sebelum ini. Kedua, pihak syarikat tidak tahu sejauh mana potensi anda dalam menjalankan dengan baik. Oleh itu, bertanya mereka apabila mereka menyentuh soal gaji sahaja. Jika anda berpengalaman, bertanya soal gaji adalah satu kebiasaan kerana anda mempunyai pengalaman kerja dan kemahiran yang telah dibina sewaktu pekerjaan sebelum ini.

7. MERAYU DAN BERLAKON DRAMA SEDIH

Usah merayu dalam sesi temuduga. Merayu dengan niat anda diterima bekerja dan menimbulkan perasaan kasihan, ia kurang berhasil. Ia menandakan anda amat terdesak dengan pekerjaan.

Yakin dengan rezeki anda. Jika disitu bukan tempat anda, itu bermakna tempat anda adalah terbaik di syarikat lain. Berlakon drama sedih dalam sesi temuduga juga membuatkan panel temuduga menjadi rimas. Dan mungkin sesi temuduga anda bakal berakhir dengan lebih awal.



8. TIDAK MAMPU MEMBUAT KEPUTUSAN SENDIRI

Soalan yang ditanya mungkin pelbagai. Soalan panel temuduga juga meminta anda membuat keputusan dalam masa yang singkat. Anda perlu yakin dengan jawapan anda.

Menangguh jawapan supaya anda boleh bertanya kepada pihak lain menandakan anda masih belum mampu membuat keputusan sendiri.

Ada masanya anda perlu merujuk kepada seseorang yang lebih tinggi pengetahuannya. Dalam situasi temuduga, jika ia memerlukan pengetahuan yang lebih tinggi sesuai untuk menangguhkan jawapan.

Di sini ia menandakan anda bijak mengurus sumber maklumat. Berlaku bijak dalam membuat keputusan anda.



9. TIADA LESEN KENDERAAN

Tiada lesen kenderaan juga boleh buat calon gagal dalam sesi temuduga. Terdapat kerja yang memerlukan calon bekerja di luar pejabat untuk bertemu pelanggan. Tidak mengapa jika tiada kenderaan. Bagi sesetengah syarikat anda disediakan kenderaan untuk urusan rasmi.

Namun ia bergantung kepada jenis jawatan yang anda mohon. Tetapi untuk lebih selamat usahakan dapat lesen kenderaan atau pilih jawatan lain yang tidak memerlukan lesen kenderaan sebagai syarat penting.

10. DIAM BERBAHASA INGGERIS

Ini yang banyak menjadi mimpi ngeri calon temuduga. Bagi yang mahir dalam berbahasa Inggeris, itu kelebihan bagi anda. Bagi yang jarang-jarang menggunakan bahasa Inggeris, sesi temuduga merupakan satu sesi yang amat digeruni.



Dalam sesi temuduga, temuduga boleh berlangsung dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Ia terpulang kepada panel temuduga menyoal anda mengikut kehendak yang syarikat mahukan. Jika ia berlangsung dalam bahasa Melayu, ia adalah bonus bagi anda.

Jika ia dalam bahasa Inggeris, usah diamkan diri. Terus atur ayat sebagaimana yang anda boleh jawab. Mendumkan diri menandakan anda tidak minat dan tidak menampilkan usaha anda.

11. BANYAK 'KEMUNGKINAN'

Menjadi kebiasaan panel temuduga menyoal anda tentang soalan penyelesaian masalah yang melibatkan jawatan yang anda mohon. Apabila menjawab, elakkan daripada bercakap "Mungkin saya akan buat begini dan begini...."

Ayat kemungkinan adalah ayat menandakan tahap keyakinan diri anda. Terlalu banyak kemungkinan dalam jawapan memungkinan juga anda diterima untuk menjawab jawatan tersebut.

Jawab dengan yakin dan matang. Anda ingin bekerja, bukan menjawab soalan di kertas peperiksaan. Tiada jawapan betul atau salah, mereka cuma ingin melihat kreativiti anda dalam menguruskan situasi yang berlaku.

12. TIDAK MENGENAL SYARIKAT / JAWATAN

Anda ingin bekerja di syarikat yang anda mohon, anda seharusnya peka kepada bisnis syarikat berkenaan. Calon yang tidak membuat persediaan menyemak maklumat syarikat di halaman web bakal menemui jalan buntu apabila panel temuduga bertanya tentang "Apa pandangan anda tentang syarikat kami..."

Bagi jawatan kerajaan, anda berkhidmat dengan kerajaan. Apa yang harus anda peka adalah berkenaan jawatan. Calon yang tidak mengetahui maklumat tentang jawatan yang mereka mohon menunjukkan mereka tidak berusaha dengan cukup.

Ambil masa mengkaji syarikat dan jawatan terlebih dahulu sebelum hadir ke temuduga. Jika tidak, temuduga anda menjadi satu temuduga yang sia-sia sahaja.

13. MENGGUNAKAN BAHASA PASAR

Bahasa pasar adalah bahasa yang tidak formal. Ia digunakan dalam perbualan harian anda bersama rakan baik anda dan kenalan yang lain. Sesi temuduga meminta anda menggunakan bahasa yang formal dan teratur.

Mengambil mudah dalam soal bahasa ini memungkinan anda diterima bekerja kerana ia memberi persepsi yang kurang baik kepada panel temuduga. Ingat, mereka yang menemuduga anda adalah orang yang berpengalaman dan lebih tinggi pengetahuan mereka daripada anda.

Oleh itu, gunakan bahasa yang lebih formal untuk menghormati mereka dan menghargai mereka sebagai orang yang berpengalaman.

BONUS : HARGAI PANEL TEMUDUGA

Manusia suka dihargai. Anda juga begitu. Oleh itu, selepas tamat temuduga berikan penghargaan kepada mereka dalam bentuk pujian atau mengucapkan terima kasih kerana meluangkan masa menemuduga anda. Bukannya terus beralih dan terus beredar.

Dapatkan nama dan emel panel temuduga untuk anda menulis emel ringkas untuk ucapan terima kasih anda sekali lagi selepas pulang ke rumah. Ia nampak biasa, tetapi kesannya diluar jangkaan anda.

Jika dalam perniagaan ia dinamakan 'After Sale Service'.



14. TERLALU 'DEMAND'

.....

Terlalu 'demand' semasa temuduga juga boleh membuatkan anda gagal lebih awal. 'Demand' bermaksud anda meminta pihak syarikat sediakan rumah, kenderaan dan pelbagai kelengkapan lain untuk anda.

Tidak salah untuk 'demand' jika anda sememangnya seorang yang menjadi rebutan dipasaran. Tetapi jika ia adalah temuduga anda untuk melompat kerja ke tempat kerja baru, elakkan dari terlalu meminta-minta.

'Demand' bagi pihak syarikat adalah satu bentuk pelaburan mereka kepada anda. Bagaimana mereka boleh laburkan banyak kemudahan untuk anda sedangkan anda belum menunjukkan prestasi yang baik lagi kepada mereka?

15. TERLALU BERPOLITIK

.....

Adakalanya panel temuduga menguji anda dengan fahaman politik. Mereka ingin melihat pendapat anda tentang hal-hal dunia luar. Namun, anda harus berhati-hati dalam memberikan pendapat anda supaya tidak menampakkan anda menyebelahi sesiapa. Atau dalam erti kata lain anda terlalu fanatik kepada sesuatu parti.

Jawab secara 'general'. Berpolitik bukan tempatnya di dalam bilik temuduga. Panel temuduga menyoal anda dengan niat untuk melihat sejauh mana kefahaman dan keseriusan anda dalam politik negara.

Bersederhanalah. Usah kerana politik anda tidak diterima kerja.





BUATKAN MEREKA SELESA DENGAN ANDA USAH GAGAL LAGI!....



Dapatkan Pakej Lengkap Rahsia Bijak Temuduga

Ebook Utama : Persediaan Menghadapi
Temuduga

Komponen 1 : Soalan Killer Temuduga

Komponen 2 : Checklist Temuduga

Komponen 3 : Peta Minda Rujukan
Pantas

Komponen 4 : Pengalaman Temuduga
Sektor Swasta

Komponen 5 : Pengalaman Temuduga
Sektor Awam

Dapatkan Pakej Lengkap Hari Ini Di.... www.BijakTemuduga.com

BAGAIMANA NAK BELI?

LANGKAH 1 : Klik pada link dibawah untuk ke halaman jualan :

http://rahsiabijaktemuduga.com/?aff_id=24

LANGKAH 2 : Setelah tiba dihalaman jualan, klik pada butang **Tempah Sekarang** untuk memilih pakej pembelian anda. Anda mempunyai pilihan untuk memilih pakej Starter, Premier atau Master.

LANGKAH 3 : Anda akan dibawa ke halaman dibawah (mengikut pakej). Masukkan emel anda dan klik '**Proceed to checkout**'

Rahsia Bijak Temuduga

	Product description	Price
	RBT - Pakej RM90 Pakej ini mengandungi: [+] Ebook 'Rahsia Bijak Temuduga' [+] Ebook 'Soalan KILLER Temuduga' [+] Checklist Temuduga [+] Peta Minda Pantas 'Bijak Temuduga' [+] Ebook 'Pengalaman Temuduga Sektor AWAM' [+] Ebook 'Pengalaman Temuduga Sektor SWASTA' =====	
☒	Bagaimana Melakukan Pembelian? =====	RM90
	LANGKAH 1: Masukkan alamat email utama peribadi anda (BUKAN ALAMAT email pejabat untuk mengelakkan kesulitan pada sistem kami) di bawah LANGKAH 2: Isikan maklumat yang diperlukan LANGKAH 3: Pilih Mode pembayaran (Bank Tempatan / Kad Kredit / Kad Debit / Paypal) LANGKAH 4: Selesaikan pembayaran	

Your e-mail

Insert your email address. If you are a returning customer your information will be restored.

E-mail:

LANGKAH 4 : Anda akan dibawa ke halaman berikut. Isikan butiran yang bertanda (*) kesemuanya. Pastikan pakej anda betul.

Order information

	Item description	Amount
»	RBT - Pakej RM90	RM90

Billing information

* First name	Ahmad Kamal
* Last name	Kamarudin
* Alamat	NO 32, JALAN BK9/5D BANDAR KINRARA.
* Poskod	47180.
* Bandar & Negeri	PUCHONG, SELANGOR.
* Nombor Telefon	016-9195061

Discount

Coupon:	
	Apply coupon »

Payment information

☒ [I have read and I accept the terms](#)

Pay through:	Pembayaran Bank Tempatan
	Pay now!

LANGKAH 5 : Teruskan ke ruangan '**Payment information**'. Sila baca syarat dan terma dengan klik pada perkataan yang berwarna biru. Jika faham dan bersetuju, tandakan tick pada kotak di kirinya.

LANGKAH 6 : Pada ruangan '**Pay through**', sila pilih sama ada anda ingin membuat pembayaran menggunakan bank tempatan atau kredit kad. Jika selesai, klik ke butang '**Pay now!**'

**Jika anda menggunakan Paypal/Kredit kad/Debit kad, terus lakukan pembayaran melalui halaman yang disediakan selepas klik butang 'Pay now!'*

**Untuk pembayaran menggunakan bank tempatan, rujuk maklumat seterusnya.*

LANGKAH 7 : Anda kemudian dibawa ke halaman pengisian borang tempahan seperti dibawah. Klik '**Hantar Borang**' apabila selesai mengisi maklumat bertanda (*).

Borang Pengesahan Pembayaran

Sila isi kan borang dibawah lengkap dengan data yang benar dan sah sahaja. Sebarang maklumat palsu adalah diarang sama sekali. IP anda akan direkod untuk tujuan keselamatan.

* menandakan ruangan tersebut WAJIB di isi.

Name Penuh Anda	:	Ahmad Kamel Kamarudin	*
Alamat Email Anda	:	syedfaizilfa@gmail.com	+
No.Telefon Anda	:	016-9195061	+
No. Order / Invoice	:	34449-34498	*
Pakej Tempahan	:	Ransia Bijak Temuduga	*
Produk Tempahan	:	RBT - Pakej RM90	+
Jumlah Bayaran	:	RM90	*
Kaedah Pembayaran	:	Sila Pilih Kaedah Pembayaran 4	*
Tarikh Pembayaran	:	DD/MM/YYYY	+
Masa Pembayaran	:	HH:MM	+
Rujukan Transaksi Pembayaran:	:		*
- nombor rujukan resit	:		
- nombor rujukan transaksi online	:		

Hantar borang Isi semula

- * Pilih bank pembayaran anda pada '**Kaedah Pembayaran**'
- * Masukkan **tarikh** dan **masa** pembayaran dibuat.
- * Pada ruangan '**Rujukan Transaksi Pembayaran**', sila nyatakan maklumat pembayaran. Simpan resit pembayaran anda untuk tujuan pengesahan.

LANGKAH 8 : Satu emel dikirimkan kepada anda selepas anda menghantar borang. **Reply** emel tersebut dengan menyertakan resit pembayaran anda sebagai bukti anda telah membuat pembayaran.

LANGKAH 9 : Setelah pengesahan daripada admin Tim Infokerjaya, butiran download akan dihantar kepada emel anda. Sila semak emel anda untuk dapatkan butiran download.



EBook PERCUMA ini adalah edaran khas Infokerjaya Resources atau Tim Infokerjaya untuk calon-calon temuduga. Keseluruhan ebook ini adalah untuk tujuan pembelajaran dan dibenarkan untuk edaran umum.